

MENJELANG SUKAN SEA 2015

Lagi 44 atlit dapat ‘lampa hijau’

JAWATANKUASA Rayuan Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) semalam memberi ‘lampa hijau’ kepada 44 atlit untuk beraksi di Sukan SEA Ke-28 pada 5-16 Jun ini.

Kesemua yang terpilih itu akan menyertai senarai awal lebih 900 atlit yang dimumkankan awal tahun ini selepas memenuhi ‘ukur tara’ yang ditetapkan SNOC untuk temasya dwitahunan itu yang akan dianjurkan buat pertama kali di Singapura selepas lebih dua dekad.

Daripada senarai awal itu, setiap persatuan sukan nasional (NSA) ke-

mudian perlu ‘menapis’ lagi senarai atlit mereka sebelum mengemukakan senarai akhir – berdasar proses pemilihan dalaman yang dijalankan – yang akan mewakili Team Singapore nanti.

NSA mempunyai tempoh sehingga 15 April untuk mengemukakan senarai terakhir atlit mereka.

Senarai muktamad atlit yang akan mewakili negara di Sukan SEA ini dijangka diketahui pada penghujung bulan ini.

“Para atlit serta persatuan sukan nasional mereka telah mencurahkan

usaha yang mengagumkan untuk melayakkan diri ke Sukan SEA ini. Semangat yang ditunjukkan begitu menggalakkan. SNOC bangga dapat meluluskan penampilan mereka di temasya ini nanti,” ujar setiausaha agung SNOC, Chris Chan, melalui kenyataannya kepada media petang semalam.

Antara atlit yang diluluskan semalam ialah srikandi renang muda, Nur Marina Chan Alif Abdullah, yang akan menyertai rakan-rakannya lain bagi acara 4x100 meter gaya bebas.

Turut mendapat kelulusan Jawatankuasa Rayuan SNOC ialah pesilat Muhammad Haziq Zainal Abidin bagi acara tanding Kelas A.

Pasukan bola tampar lelaki, yang diketepikan daripada senarai awal Januari lalu, boleh bergembira apabila penyertaan mereka diluluskan semalam.

Singapura dijangka mengemukakan kontinen terbesarnya di Sukan SEA ini – mengatasi jumlah terbesar sebelum ini iaitu 483 atlit semasa kali terakhir Singapura menjadi hos temasya ini pada 1993.